

42/KLIA/2025



**AGENS KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)**

**CUBAAN BERLEPAS 'FLY PASSPORT', WANITA WARGA INDONESIA  
DITAHAN DI KLIA**

**SEPANG, 17 Ogos 2025** – Seorang wanita warga Indonesia berusia 25 tahun telah dikesan memiliki cap keselamatan yang mencurigakan semasa melalui pemeriksaan imigresen di Balai Berlepas, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Terminal 2 (KLIA2) sekitar jam 9.00 pagi pada 16 Ogos 2025.

Hasil siasatan awal mendapati wanita tersebut memasuki Malaysia melalui Imigresen Malaysia, Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang, Johor. Namun begitu, pemeriksaan lanjut melalui Sistem MyIMMs menunjukkan tiada sebarang rekod rasmi pergerakan keluar atau masuk bagi subjek sepanjang tempoh sehingga tahun ini.

Susulan itu, wanita berkenaan telah ditangkap kerana dipercayai dengan munasabah melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63. Individu terbabit kini ditahan di Depot Imigresen KLIA2 sebelum diserahkan kepada Bahagian Penguatkuasa Jabatan Imigresen Negeri Selangor untuk siasatan dan tindakan lanjut.

AKPS KLIA akan membuat siasatan lanjut bagi mengenalpasti dalang yang bertanggungjawab dan tindakan tatatertib diambil ke atas mana-mana pegawai yang terlibat. AKPS menegaskan bahawa usaha membanteras pemalsuan dokumen perjalanan dan sebarang bentuk pelanggaran undang-undang imigresen akan terus dipergiat bagi memastikan keselamatan serta integriti pintu masuk negara sentiasa terpelihara.

**TAMAT**

**17 OGOS 2025**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

**AGENS KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**